

19/09/2000

Tiga peserta pendengar bacaan

KOTA KINABALU, Isnin - Dua qari dan seorang qariah memperdengarkan bacaan pada malam pertama Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan di Dewan Sa'adah, Wisma Muis di sini, bermula malam ini.

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-43 ini bertemakan 'Bersyukur Tanda Keteguhan Iman' disertai 26 qari dan qariah berlangsung selama lima hari mulai malam ini sehingga Jumaat ini.

Tiga peserta yang memperdengarkan bacaan malam ini ialah Ahmad Mustafa Mohd Sidin Al-Hafiz, 26, qari dari Selangor; Mazlan Ibrahim, 28, (Terengganu) dan seorang qariah iaitu Umi Kalsum Mohd Zin, 50, (Johor).

Ahmad Mustafa membaca Surah al-Israa' mulai ayat 78, diikuti Umi Kalsum (Surah al-Baqarah ayat 49) dan Mazlan akan memperdengarkan bacaan Surah al-An'aam.

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ini yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, disertai oleh qari dan qariah dari semua negeri kecuali Kelantan dan Terengganu yang hanya menghantar wakil qari saja.

(END)